

RAHSIA KEKUATAN KITA

MENDIDIK UMAT ISLAM

“Didikan Islam adalah meliputi cara befikir dan cara bekerja di dalam hidup manusia. seseorang Islam yang berpendidikan adalah memandang hidup umumnya menurut kaca mata Islam. Sukatan buruk dan baik padanya adalah sukatan Islam. Mencapai didikan ke darjat itu hanya boleh sekiranya didikan itu disemaikan atas tanah tauhid yang dibajai dengan fahaman dan roh Islam yang mendalam” – kata Tuan Dhūlkifli Muhammad dalam makalahnya yang berharga ini – P.Q.

(Oleh Dhūlkifli Muhammad)

Kekuatan umat Islam tiada akan dapat dilaksanakan hanya dengan adanya beberapa orang di dalam masyarakat Islam yang mempunyai keyakinan kuat bagi menegakkan masyarakat itu secara Islam. Umat Islam adalah mesti membentuk anggota masyarakat yang mempunyai didikan dan roh Islam supaya Islam dan cara hidupnya tiada lagi janggal di mata orang Islam sendiri seperti sekarang ini,

ini adalah soal yang menghadapi kita masa ini, iaitu memesrakan didikan Islam ke dalam masyarakat. Tugas ini tiada boleh dijalankan dengan tiada rancangan yang teratur rapi. Sebelum membuat sebarang rancangan adalah penting bahawa keadaan hari ini kita kaji dengan penuhnya. Bagaimana rupanya dan apa puncanya. Sesudah sahaja langkah pembaikan dapat diatur.

Pada rupanya, rohani umat Islam, terutama di bandar-bandar adalah dirosakkan oleh anasir hidup yang bukan Islam pada zaman ini yang bermaharajalela di tengah-tengah masyarakat Islam, tetapi pada hakikatnya kerosakan itu adalah hasil kelemahan

rohani yang terbit dari kekurangan tebal didikan seseorang. Memang benar pengaruh cara hidup yang bukan Islam itu kuat, tetapi keadaan itu bukanlah hanya meliputi masyarakat Islam zaman ini sahaja. Zaman-zaman yang lalu pun mempunyai suasana seperti sekarang tetapi oleh keranan didikan Islam mereka tebal maka mereka tegap dan dapat hidup dengan tetap berpegang dengan Islam. Berpegangan kepada Islam tiada memaksa orang-orang Islam hidup dalam suatu kotak yang bercap (Islam) bahkan iaitu berjalan dengan penuhnya dalam hidup bersama mereka yang bukan Islam sebab Islam telah menyusun cara hidup dengan orang yang seperti itu dan cara sikap terhadap mereka.

Yang kita kehendaki dalam masyarakat campuran ini adalah pendirian yang kukuh dalam Islam dan keyakinan yang kuat dengannya. Mencapai sifat itu menghendaki latihan-latihan yang lama dan mendalam, tiada cukup dengan masa persekolahan sahaja, latihan itu mesti terus-menerus dan tiada putus-putus, cara-caranya pula adalah berlainan menurut

tingkatan hidup masing-masing.

Bagi mewujudkan suatu pendidikan Islam kepada seseorang kanak-kanak maka satu kalangan hidup yang bercorak Islam adalah mustahak, keluarga dan masyarakatnya mestilah Islam lebih dahulu dan hanya dengan itu kesan didikan Islam dapat menembusnya. Baginya Islam rasa dan baka tiada dapat difahaminya tak berkesan, dalam erti kata pendidikan, Islam dalam amal dan kira bicara hidup mestilah terang bagi perhatiannya, acuan keluarganya itu akan bertambah subur manakala ia disekolahkan dan mendapat ajaran-ajaran yang dikemukakan di sana. Sebenarnya, sekiranya latihan persekolahan itu rapi sebagaimana mestinya maka pendidikan adalah selamat di peringkat ini. Akan tetapi adalah masih penting diingat bahawa bukanlah semata-mata hukum dan ibadat sahaja mesti dikenalkan kepadanya, dia mestilah diberi latihan dalam bertanggungjawab, bertolak ansur dan berpendirian kuat dalam hidup yang terbatas itu.

Yang menjadi soal besar dalam kesulitan-kesulitan pendidikan kita sekarang ini ialah masa sesudah keluarnya dari sekolah, di ketika ianya merasa nikmat kebebasan dan ketiadaan kawalan atas kelakuannya. Menurut ilmu pendidikan, peringkat ini adalah sangat genting baginya kerana tiada tahunya menggunakan kebebasan baru itu dan dengan kebebasan itu tiada mau sesiapa mengawalinya lagi. Peringkat ini terus hingga ia dewasa manakala kewarasan fikirannya tiba. Di sini adalah mustahak bahawa ia mendapat didikan yang tiada berlawanan dengan tabiatnya yang dinamik dan bergelora itu. Syarahan-syarahan ringan di dalam perhimpunan orang-orang yang seumur dengannya adalah sama pentingnya dengan latihan amal dalam sukan. Kelab pemuda, gerak badan dan sebagainya. Orang-orang yang akan mendidik hendaklah insaf bahawa menentangi jalan tabiat. Pada umumnya adalah meakibatkan pemberontakan dan pertentangan yang hebat dari orang yang dididik itu.

Didikan Islam, kepada peringkat pemuda-pemudi adalah

Lebih sulit kerana peralihan jiwa mereka masa itu.

Menurut ilmu jiwa di masa remaja perasaan beragama itu adalah kuat, ini adalah disebabkan oleh kekacauan kejiwaan dalam peringkat itu. Jadi rasa beragama waktu itu tiadalah dapat dipercayai berkepanjangan. Meski pun begitu, penerimaan baiknya itu masih dapat digunakan juga bagi mempertebalkan keagamaannya. Jadi adalah bijaksana jika kita aturkan latihan beragama bagi orang remaja secara amal ibadat. Tiada salahnya jika diperkenalkan padanya amal-amal berat sebab tabiatnya adalah sedia menerima apa sahaja yang dikatakan agama, dan oleh kerana penerimaan ini tiada lama maka pengajaran dan keterangan luas dan dalam hendaklah diberikan dalam hal agama supaya dapat menolongnya mengekalkan perasaan beragama itu sesudah berlalunya peringkat remaja ini.

Itu dalam memadankan didikan dengan umur dan kesuburan peribadi manusia. pepadanan dalam segi perbezaan kepengetahuan kerana kedudukan pengetahuan yang berlainan adalah mengkehendaki layanan pendidikan yang berlainan. Ini tidaklah mudah sebab iaitu memastikan fahaman yang dalam tentang kesan pengetahuan pada jiwa seseorang. Bukan sahaja banyak sedikitnya pengetahuan seseorang itu menjadi soal tetapi juga jenis pengetahuannya. Walaubagaimanapun, tiap-tiap pengetahuan adalah dapat digunakan bagi menguatkan didikan Islam sekiranya pendidik itu faham benar-benar akan Islam. Sebenarnya mengadap pengetahuan adalah lebih mduah dari mengadap kejahilan. Mungkin pengetahuan seseorang itu, oleh kerana salah faham dapat memesongkannya sekejap waktu, tetapi oleh sebab cara berfikirnya teratur maka adalah mudah bagi pendidik Islam menyelenggarakan halnya apabila ia dapat mengenal fikirannya itu.

Pada dasarnya, didikan yang utama kepada umat Islam hendaklah didasarkan atas pengenalan bahawa hidup dan matinya manusia ini adalah bagi dan untuk berbakti kepada Allah. Ini akan mendorongkannya meletakkan Allah di hadapan matanya dan di dalam

Qalam yang akan datang
menghidangkan makalah-makalah yang bernas.

1- Bahasa Melayu Luas dan Kaya

- oleh ‘Abdul Ḥamīd Parit

2- Pelajar-pelajar Melayu di Luar Negeri

- oleh Kamāl ‘Abdul Ḥamīd, Mesir

3- Tabah dan Jujur Faktor Kejayaan

- oleh Mukhtār Aḥmad, Mesir.

4- Syair Semenanjung – oleh Aḥmad Ḥussīn

5- Pahlawan Tanahair, Riwayat Hidup

Ulama Islam yang Kebilangan dan lain-lain
lagi.

semua pekerjaannya. Dalam perhubungannya dengan manusia ia akan sentiasa ingat bahawa perintah Allah adalah meliputi perhubungan itu dan aturan-aturan dan cara-cara yang ditentukan Tuhan itu adalah lebih bijaksana daripada aturan buatannya yang terbit dari agakan-agakan sahaja itu.

Dengan mengenal Allah itu manusia dapat dikenalkan dengan dirinya sendiri. mutu dirinya sebagai hamba Allah yang mempunyai kemuliaan dan kebolehan dapat ditegaskan. Ini adalah kekuatan rohani Islam yang tentu memberi kesan pada sikap hidup seseorang dan pada peribadi umumnya.

Banyak orang berfikir bahawa didikan Islam itu menuju semangat dan dalam lingkungan perasaan sahaja. Ini adalah sama salahnya dengan orang-orang yang berfahaman bahawa Islam itu hanya ibadat semata-mata. Didikan Islam adalah meliputi cara befikir dan cara bekerja di dalam hidup manusia. Seseorang Islam yang berpendidikan adalah memandang hidup umumnya menurut kaca mata Islam. Sukatan buruk dan

baik padanya adalah sukatan Islam. Mencapai didikan ke darjat itu hanya boleh sekiranya didikan itu disemaikan atas tanah tauhid yang dibajai dengan fahaman dan roh Islam yang mendalam.

Dalam pelaksanaan didikan Islam ini adalah penting diingati bukan taksab dan buta tuli yang kita tuju, tetapi ialah pendirian yang kukuh dan keyakinan yang kuat dengan Islam. Sekiranya ini dapat dimesrakan di hati umat Islam maka tiada sesuatu kekarutan dan tiada sesuatu kerosakan keadaan pun yang dapat mempengaruhi hidup mereka. Kita hendaklah menerima kenyataan bahawa kita mesti hidup di tengah-tengah masyarakat duni yang karut ini dan untuk itu hanya satu perisai sahaja yang dapat menahan tembusan kesan buruknya iaitu pendidikan Islam yang teratur dan berkesan.

Ini hendaklah disusun dari mulanya hingga ke akhirnya dengan tiada melupakan kaedah-kaedah pendidikan Islam yang umum yang menuntut layanan yang berasing dalam keadaan yang berlainan.

Jadi didikan ummah umat Islam bukanlah menuju disiplin buta dan kongkongan jiwa meraba-raba bahkan menuju pemupukan jiwa dan peribadi mereka bagi kesempurnaan hidup sebagai manusia yang bermutu dan bertanggungjawab di dunia ini.

Bagi kita, sudah sampai masanya langkah mendidik umat ini mesti dijalankan dengan cara-cara yang berkesan dan berpadanan. Membiarkan didikan itu berjalan hanya di surau-surau dan dalam lingkungan yang terbatas sahaja itu adalah akan membawa kerugian besar kepada masyarakat kita dan Islam. Tiap-tiap peringkat biarlah mendapat layanan menurut kehendak tabiatnya dan dalam medannya, secara berkesan. Hanya dengan begitu umat Islam di negeri ini dapat dididik dan dapat mulia semula, *wa bi Allāh al-Tawfīq*.